



## **RM 9.2 JUTA RINGGIT DIPERUNTUKAN KKDW UNTUK PROGRAM PEMBANGUNAN DAN USAHAWAN**

---

**Sg Petani, 15 Julai** – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah memperuntukkan RM 9.2 juta yang memanfaatkan 892 penerima pada program Sentuhan Kasih Desa Negeri Kedah di Dataran Amanjaya Mall, Sg. Petani hari ini.

Bantuan dan kemudahan kewangan berkenaan adalah di bawah program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW.

Antara bantuan yang diperuntukkan adalah daripada **KEDA** bagi kelulusan Bantuan Keseluruhan Program berjumlah **RM 4,820,000.00** kepada 473 **orang penerima** yang meliputi:

1. Projek Pertanian Petani Luar Bandar (PPLB) berjumlah RM 1.2 juta kepada 76 orang penerima.
2. Projek Intergrasi Pembangunan Kawasan Terpilih (PIKAT) berjumlah RM 920 ribu kepada 121 penerima.
3. Program Keusahawan KEDA berjumlah RM 1.5 juta kepada 100 penerima.
4. Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Negeri Kedah kepada 176 penerima berjumlah RM 1.2 juta.

Manakala, **RISDA** menerusi bantuan Program Pembangunan Usahawan dan Agromakanan Negeri Kedah bagi tahun 2023 menyerahkan **RM 3,865,640.00** kepada **415 penerima**.

**Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD), KKDW** menerusi Bantuan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) pula menyampaikan **RM 480,000** kepada **empat penerima bagi negeri Kedah**

Selain daripada bantuan, **Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR), KKDW** memperuntukkan sebanyak **RM 460.2 juta** untuk **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tahun 2023** dengan pecahan skop bantuan dan unjuran bilangan unit seperti berikut :

SKOP BANTUAN	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN UNIT
Bina Baharu	RM 244.4 juta	3,030 unit
Baik Pulih	RM 215.8 juta	12,242 unit
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 460.2 juta</b>	<b>15,272 unit</b>

Daripada jumlah peruntukan berkenaan, skop bantuan **Bina Baharu dan Baik Pulih** serta unjuran bilangan unit PPRT yang melibatkan Negeri Kedah adalah seperti di jadual di bawah :

Negeri	Peruntukan 2023 (RM)			Unjuran Unit 2023		
	Bina Baharu (RM)	Baik Pulih (RM)	Jumlah (RM)	Bina Baharu (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)
Kedah	17,000,000	18,000,000	35,000,000	232	1,080	1,312

Replika cek bantuan diserahkan kepada penerima oleh **Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim** yang diiringi **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**.

Hadir sama di majlis pelancaran Program Sentuhan Kasih Desa, Timbalan Menteri KKDW Datuk Hajah Rubiah Wang, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu, Menteri Komunikasi dan Digital YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Program Sentuhan Kasih Desa (SKD) anjuran KKDW ini diadakan **di enam negeri** selepas **Negeri Sembilan mejadi lokasi pertama, Kedah dan Pulau Pinang menjadi lokasi kedua** dan seterusnya akan ke Selangor, Kelantan dan Terengganu.

Program ini memberi peluang kerajaan mendengar suara hati rakyat secara dekat dan pada masa sama menawarkan pelbagai inisiatif kementerian kepada rakyat

Antara pengisian utama program ini ialah **Mini Karnival Usahawan Desa (KUD)** di Sg. Petani, Kedah dan Sungai Besar, Selangor. **Ekspo Pendidikan TVET** di Bertam, Kepala Batas serta **Program Kemasyarakatan** di Gua Musang, Kelantan dan Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu.

Program Mini KUD@Sg Petani yang bermula 14 hingga 16 Julai di Dataran Amanjaya Mall, Sungai Petani, Kedah ini mengetengahkan **lebih 100 usahawan** di bawah **6 agensi KKDW** iaitu **MARA, FELCRA, RISDA, KEMAS, KEDA dan PERDA** yang merangkumi sektor pemakanan, perkhidmatan dan tekstil.

Karnival ini menyasarkan **10,000 pengunjung setiap hari** dengan **sasaran jualan berjumlah RM 200,000.00 sepanjang 3 hari program berlangsung**.

KKDW melalui Bahagian Pembangunan Usahawan Desa juga menyediakan rerurai pameran sebagai platform informasi dan pendaftaran mengenai Skim Pengukuhan Keusahawan Luar Bandar (SPKLB) dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED).

Program Karnival Usahawan Desa turut mengetengahkan *Rural Business Challenge (RBC) Bistro* yang disertai oleh pemenang-pemenang RBC yang lalu terutama dari Negeri Kedah. RBC Bistro ini dilihat dapat mencipta akses pasaran lebih luas, meningkatkan aktiviti jualan, melebarkan jaringan perniagaan seterusnya berupaya mengembangkan perniagaan usahawan luar bandar khususnya usahawan RBC.

Antara tarikan Mini KUD@Sg. Petani ialah penyelenggaraan motosikal percuma anjuran GIATMARA kepada pengunjung, perkhidmatan mengunting rambut serta perkhidmatan Selenggara Elektrik Rumah Impian (SERI) kepada 100 rumah yang dikenal pasti sekitar Sg Petani.

Dalam siri Mini KUD kali ini, **KEDA** turut membawakan ***Pavillion Rural Tourism Kedah*** yang akan menjadi tarikan utama pengunjung. Segmen ini mengetengahkan **segmen pelancongan dari seluruh negeri Kedah** termasuk di bawah pelaksanaan **Program Desa Lestari** yang mengabungkan antara gaya hidup alam semula jadi, pertanian dan aktiviti ekonomi seperti; **Gua Sireh, Nira Nipah, Crab Farm, KEDA Resort, Keropok Lekor dan Kelulut Valley**.

Beberapa aktiviti lain termasuk pertandingan e-Sports seperti PUBG, PS5 dan MLBB, Mini dan *Petting Zoo*, Bazar Rakyat Peduli Prihatin FELCRA, Pertandingan *Masterchef*, Pertandingan Agola dan Cabutan bertuah dengan hadiah utama sebuah motosikal Honda Dash 125 bernilai RM7,000.

**Disediakan Oleh**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**  
**15 Julai 2023**